

**NO. SOALAN : 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2015**

**RUJUKAN : 8249**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah terkini Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini mengikut negara dan jantina dan apakah langkah penguatkuasaan yang telah diambil Kerajaan bagi menangani isu pekerja dari kalangan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) serta nyatakan langkah yang lebih berkesan oleh Kerajaan bagi menyekat kemasukan secara berterusan PATI ke negara ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia menjalankan penguatkuasaan ke atas PATI dalam Negara dari semasa ke semasa. Dalam menjalankan Operasi Bersepadu mulai 1 Januari 2015 sehingga 30 September 2015, sebanyak 7,504 operasi telah dijalankan dan seramai 187,863 orang telah diperiksa manakala 42,191 orang warga asing dan 544 orang majikan telah ditangkap dan ditahan untuk siasatan lanjut.**

**Antara langkah Kementerian untuk mengekang kemasukan warga asing yang berisiko ke negara ini adalah:**

- a) proses tapisan awal melalui pengeluaran visa di kedutaan/ pejabat perwakilan Malaysia di luar negara, di mana tapisan akan dibuat untuk mengenalpasti sama ada warga asing berkenaan telah dimasukkan dalam senarai syak (SL) Jabatan. Sekiranya nama mereka tersenarai dalam senarai syak, warganegara asing ini tidak akan dikeluarkan dengan visa untuk datang ke Malaysia;**
- b) kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan, latar belakang**

**pengembara, dan penyemakan identiti dengan pangkalan data senarai syak Jabatan;**

- c) penggunaan *autogate* bagi kemasukan warganegara Malaysia bagi menjamin keselamatan dokumen di samping memelihara identiti warganegara melalui pengecaman cap jari biometrik. Ia seterusnya dapat membantu dan memberi peluang kepada pegawai imigresen untuk memberikan lebih perhatian kepada pemeriksaan pelawat asing berisiko tinggi di pintu-pintu masuk negara; dan**
- d) perkongsian data bersama pihak PDRM bagi warga asing yang berisiko dalam Sistem *Suspect List* (SL).**

**Sebagai tambahan, Jabatan Imigresen Malaysia membuat penyemakan data warga asing yang berisiko di pintu masuk negara kepada Sistem Pangkalan Data (Biometrik) Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional (NERS) melalui proses pengecaman terhadap data biometrik pesalah imigresen yang telah direkodkan sebagai senarai syak Jabatan.**

**Di samping itu juga, sistem NERS dapat mengenal pasti ketulenan identiti individu bersama dokumen yang digunakan berdasarkan semakan silang dengan maklumat biometrik yang terkandung dalam pangkalan data NERS. Pelaksanaan prosedur ini dapat meningkatkan keberkesanan kawalan dan pemeriksaan masuk warga asing.**